

Headline	Chef Adu dedah rahsia		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	01 Apr 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	164TO166	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	1707 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,515
Frequency	Weekly	PR Value	RM 43,546



SANTAI BERSAMA OLEH: ZUL AKMAR JAMALUDIN FOTO: MUHAMMAD HAFIZ BIN ADNAN

# Chef Adu dedah rahsia

Pertemuan dengan seorang chef selebriti yang popular dengan program pertandingan masakan iaitu Masterchef dan Masterchef Selebriti menyaksikan sisi kehidupannya sebagai insan biasa.

Dalam program tersebut, Chef Adu atau nama penuhnya Adu Amran Hassan bertindak sebagai salah seorang juri. Penonton pasti biasa melihat peserta program memasak namun jarang sekali melihat barisan jurinya berbuat demikian.

Namun baru-baru ini penulis bertandang ke rumah Chef Adu sekali gus melihat kelincinhannya di dapur. Bukan saja berpeluang melihat tapi juga merasakan sendiri air tangan chef yang berasal dari Klung, Johor ini.

Sementara dia di dapur penulis sempat juga meninjau ruang tamunya yang cantik. Pada masa yang sama aroma masakan dihidu. Aksinya di dapur, dirakam oleh lensa kamera untuk tatapan pembaca. Bagi menjamu kami, Chef Adu memilih memasak spaghetti ikan salmon. Ia juga antara hidangan kegemarannya.

"Saya sebenarnya kurang gemar dengan spaghetti berkuah. Saya lebih suka yang kering. Tapi sebenarnya saya jarang memasak kerana tinggal seorang diri. Saya akan memasak apabila ada kawan-kawan datang sahaja. Bila ada 'geng', baru seronok memasak," ujarnya.

Bukan sahaja pandai memasak tetapi juga kreatif menata kediamannya. Sebaik memasuki rumahnya, mata terus terpaku dengan motif kuda belang di lantai. Menurut Chef Adu, ia merupakan kulit asli yang dijadikan permaidani dan dibeli di Afrika. Binatang tersebut bukannya dibunuh tetapi mati secara semula jadi. Kemudian

Inilah spaghetti ikan salmon yang dimasak sendiri oleh Chef Adu.



Headline	Chef Adu dedah rahsia		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	01 Apr 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	164TO166	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	1707 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,515
Frequency	Weekly	PR Value	RM 43,546



Kulit kuda belang yang dibeli di Afrika Selatan dijadikan sebagai permaidani.

kulinya dilapah untuk dijadikan sebagai perhiasan atau permaidani.

Selain itu, kelihatan barang-barang perhiasan tersusun rapi di setiap sudut dan meja. Menurut chef yang pernah mengusahakan sebuah restoran di London ini, rumah yang didudukinya adalah milik abangnya. Oleh kerana abangnya tidak tinggal di Malaysia dan kebetulan dia pula kembali ke tanah air maka dari tidak berpenghuni, Chef Adu mengambil keputusan tinggal di situ.

"Saya memang suka mengumpul barang-barang perhiasan. Kalau saya pergi ke mana-mana, saya pasti akan membeli barang ini untuk dibawa pulang. Barang-barang yang saya beli ini umpama diari. Setiap kali saya terpandang, pasti saya akan teringat memori tempat yang saya kunjungi itu," ceritanya.

### Kemalangan di London jadi punca

Kemahirannya memasak memang diketahui dan diakui namun tidak ramai tahu ada dua perkara biasa yang tidak mampu dilakukan oleh Chef Adu.

"Ada dua perkara yang saya tidak boleh buat iaitu memandu dan berenang. Agak kelakar tetapi itulah hakikatnya. Ada cerita kenapa saya tidak memandu. Ketika saya tinggal di London, saya pernah mengalami kemalangan. Kejadian itu berlaku semasa saya menaiki kereta yang dipandu oleh rakan. Sewaktu di lampu isyarat tiba-tiba ada sebuah kereta tidak berhenti ketika lampu merah dan melanggar kereta yang kami naiki.



"Kami berasib baik kerana memakai tali pinggang keledar kerana melihat dari keadaan kereta yang kami naiki memang teruk. Kami nyaris-nyaris maut dan sejak itu saya mula fobia. Saya ambil masa untuk kembali tenang.

"Apabila saya kembali ke tanah air, saya kerap menaiki bas atau LRT. Memang saya akui agak sukar bergerak tetapi kelamaan saya mula dapat menyesuaikan diri menaiki pengangkutan awam. Namun, kini saya mula berfikir dan merancang mengambil lesen meramandu satu hari nanti," katanya yang menetap di London selama 16 tahun iaitu dari tahun 1996 hingga 2012.



### Produk sendiri

Dalam pada itu cerita Chef Adu lagi, dia sebenarnya tidak menyangka bergelar chef selebriti sekembalinya ke tanah air. Mengakui memang meminati dunia kulinari namun tidak menjangka akan sampai ke tahap ini.

Katanya semua itu bermula selepas restorannya di London telah diambil alih dan datang tawaran untuk menyertai program Masterchef. Awalnya hanya



Selain memasak, anak jati Kluang, Johor ini juga gemar membaca buku.



**S & A**

Headline	Chef Adu dedah rahsia		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	01 Apr 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	164TO166	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	1707 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,515
Frequency	Weekly	PR Value	RM 43,546

## SANTAI BERSAMA



diundang untuk satu episod sahaja tapi rezeki berpihak kepadaanya bila dipilih menjadi juri untuk rancangan masakan itu.

Tidak hanya fokus pada program itu saja, Chef Adu turut terlibat dengan beberapa jenis perniagaan lain. Seiring dengan populariti yang dikehendaknya, dia telah dilantik oleh Kuala

Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) sebagai ikon untuk fakulti kulinari kolej tersebut sejak Oktober 2013.

Malah, dia juga bekerjasama dengan FRIM untuk

mempromosikan herba dan ulam-ulam kepada masyarakat.

Tambahnya lagi, dia juga kini sedang merancang memasarkan produk papan pemotong selain mula berjinak-jinak menjual baju Melayu moden atau kontemporari secara online.

"Idea menjual baju ini tercetus ketika saya terlibat dalam program Masterchef. Oleh kerana saya tidak mendapat tajaan, saya terpaksa menyediakan baju sendiri.

"Sejak itu, saya mula terfikir idea ini dan seterusnya cuba menjual secara kecil-kecilan secara online. Kebetulan pula kakak saya seorang tukang jahit dan saya terus bekerjasama dengan mereka. Kini, saya dalam proses mencari material atau kain yang sesuai dan murah agar boleh dibeli oleh sesiapa pun. Malah, saya juga ada menjual tudung dan selendang," ujarnya sambil menjamu kami menikmati hidangan spaghetti hasil air tangannya. ■